
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	SOKONGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 1/5
	GARIS PANDUAN PEMBERIAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	No. Semakan: 01
		No. Isu: 01 Tarikh: 27/10/2020

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan menerangkan proses Bayaran Imbuan Sara Hidup di Universiti Malaysia Kelantan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup (*Cost of Living Assistance - COLA*) kepada pegawai dalam Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan pegawai.
- 2.2 Menerusi Pekeliling Bilangan 10 Tahun 2019, nama elaun telah dipinda kepada Bayaran Imbuan Sara Hidup (BISH).
- 2.3 Pegawai yang layak dibayar BISH adalah seperti berikut:
 - i. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
 - ii. Pegawai lantikan tetap, sementara, kontrak (*Contract of Service*) dan guru interim;
 - iii. Pegawai yang diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
 - iv. Pegawai yang diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
 - v. Pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau
 - vi. Pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	SOKONGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 2/5
	GARIS PANDUAN PEMBERIAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	No. Semakan: 01
		No. Isu: 01 Tarikh: 27/10/2020


2.4 Pegawai yang tidak layak dibayar BISH adalah seperti berikut:

- i. Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- ii. Pegawai yang memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
- iii. Pegawai *Contract for Service*;
- iv. Pegawai yang dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
- v. Pegawai yang berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraan;
- vi. Pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
- vii. Pegawai yang dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
- viii. Pegawai yang diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; atau
- ix. Pegawai yang bercuti tanpa gaji.

3.0 PELAKSANAAN PEMBAYARAN

3.1 BISH dibayar mengikut penempatan hakiki pegawai. Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/ kursus jangka panjang dalam negara, pembayaran BISH adalah mengikut lokasi institusi pengajian.

3.2 Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/ kursus jangka panjang dalam negara di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar BISH adalah mengikut kawasan A.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	SOKONGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 3/5
	GARIS PANDUAN PEMBERIAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	No. Semakan: 01
		No. Isu: 01
		Tarikh: 27/10/2020

3.3 Bagi staf yang dilantik menyandang jawatan pentadbiran giliran, felo atau lantikan jawatan lain dan ditempatkan di kawasan yang berbeza, pembayaran BISH adalah mengikut penempatan hakiki. Sebagai contoh,


Seorang pensyarah dari fakulti yang berada di Kampus Kota telah dilantik sebagai Pengarah PTj yang berada di UMK Bachok, maka BISH adalah tidak berubah dan dibayar mengikut fakulti asal beliau.

3.4 Kadar BISH adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kadar Bantuan Sara Hidup

Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	
	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana
Kawasan A	300	350
Kawasan B	250	300
Kawasan Lain	150	200

3.5 Kawasan A dan B adalah berdasarkan persempadanan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan seperti berikut:


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	SOKONGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 4/5
	GARIS PANDUAN PEMBERIAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	No. Semakan: 01
		No. Isu: 01
		Tarikh: 27/10/2020

Pihak Berkuasa Tempatan – Kawasan A

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru dan Iskandar Puteri

Pihak Berkuasa Tempatan – Kawasan B

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Pasir Gudang dan Segamat
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman, Kuala Terengganu dan Dungun

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	SOKONGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 4/5
	GARIS PANDUAN PEMBERIAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	No. Semakan: 01
		No. Isu: 01
		Tarikh: 27/10/2020

3.6 Kadar BISH bagi pegawai yang diperuntuk Rumah Kerajaan adalah seperti berikut:

3.6.1 Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada kelayakan pegawai; atau

3.6.2 Rumah Kerajaan melebihi 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh.

3.7 Pembayaran BISH hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

4.0 PERUNTUKAN AM

4.1 Garis panduan ini adalah tertakluk kepada peraturan atau polisi Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

4.2 Garis panduan ini telah diluluskan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 4/2020 pada 27 Oktober 2020.